

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 FEBRUARY 2017

## Dr. Mahathir wajar dengar teguran Sultan Johor

**KUALA LUMPUR 23 Feb.** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dinasihatkan supaya mendengar teguran Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang meminta ahli politik luar tidak mencampuri urusan dalam negeri berkenaan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, teguran Sultan Johor itu dilakukan disebabkan perkara itu sudah melampaui batas yang mana baginda tidak boleh bertoleransi lagi.

"Hari ini Sultan Ibrahim menegur pemimpin tertentu yang mana ramai percaya itu mungkin ditujukan kepada Dr. Mahathir. Ini bukan kali pertama Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu ditegur sedemikian.

"Oleh itu, adalah lebih baik Dr. Mahathir mendengar teguran Sul-

tan Johor itu," katanya melalui laman blog beliau, <http://sskeruak.blogspot.my>, hari ini.

Sultan Ibrahim hari ini meminta ahli politik luar supaya jangan mencampuri urusan dalam Johor sehingga boleh mengelirukan dan memecahbelahkan rakyat negeri tersebut.

Justeru, baginda menasihatkan rakyat negeri Johor agar tidak terpengaruh dengan tipu helah orang luar yang cuba menakutkan mereka dengan cerita-cerita dongeng yang direka.

Dalam hal itu kata Salleh, Dr. Mahathir dilihat tidak dapat memisahkan dendam peribadinya daripada kepentingan negara.

"Tindakan Dr. Mahathir itu akan menyebabkan beliau dicemuh dan beliau sendiri adalah punca kepada keadaan tersebut," katanya.



**SALLEH SAID KERUAK**

UM - 24/2/2017